

## **Penerapan dan Kesedaran Pelajar Terhadap Kemahiran Komunikasi Interpersonal Menerusi Kokurikulum Kelab Keusahawanan UTHM**

**Ahmad bin Esa**

**Sarebah binti Warman**

Pusat Kokurikulum

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Email: ahmad@uthm.edu.my

**Akmal binti Ali**

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

### **ABSTRAK**

Komunikasi merupakan elemen penting dalam kehidupan manusia terutama bagi menyampaikan maklumat tertentu dalam mengekspresikan perasaan atau pendapat. Namun begitu, komunikasi yang terjalin kadang kala tidak berlangsung seperti yang diinginkan. Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenal pasti penerapan dan kesedaran pelajar terhadap kemahiran insaniah khususnya kemahiran komunikasi interpersonal dalam kalangan pelajar Kelab Keusahawanan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerusi kegiatan kokurikulum. Seramai 20 orang pelajar terlibat dalam kajian ini. Kajian dijalankan berasaskan Teori Chickering yang merupakan teori pembangunan pelajar. Data kajian diperolehi daripada analisis dokumen Kelab Keusahawanan, pemerhatian, temu bual dan soal selidik. Dapatan kajian juga mendapati bahawa wujud penerapan dan kesedaran kemahiran komunikasi interpersonal dalam kalangan pelajar. Berdasarkan kajian ini, dirumuskan bahawa elemen kemahiran komunikasi interpersonal bagi diri pelajar UTHM berada pada tahap tinggi. Hasil daripada kajian ini saya mencadangkan agar Kelab Keusahawanan menjalankan aktiviti keusahawanan yang lebih aktif seperti gerai Kelab Keusahawanan bulanan agar penerapan dan kesedaran pelajar terhadap kemahiran komunikasi interpersonal dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh.

**Katakunci:** Penerapan, Kesedaran, Komunikasi interpersonal, Kelab Keusahawanan

### **PENGENALAN**

Kebanyakan pelajar yang terlibat secara aktif dalam kursus kokurikulum memiliki keyakinan diri dan autonomi yang lebih tinggi. Hal ini termasuklah pengalaman perbincangan yang berkaitan tentang isu sosial budaya, bimbingan oleh rakan sebaya dan pensyarah, penglibatan dalam kelab dan persatuan, serta khidmat masyarakat. Penglibatan pelajar dalam kursus kokurikulum di Institusi Pengajian Tinggi memberi kesan yang positif kepada pelajar terhadap pemikiran kritikal, perancangan pengijazahan, atribusi kawalan dalaman untuk kejayaan akademik, dan kecenderungan memiliki tugas kognitif yang lebih mencabar. Keadaan ini dibuktikan oleh kajian yang dilakukan oleh Kuh *et al.*, (2008) dan Pascarella *et al.*, (2006) yang menyatakan bahawa hasil pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi menerusi penglibatan pelajar dalam akademik dan aktiviti sosial secara seimbang merupakan penyumbang kepada kejayaan pelajar. Abu Bakar (2007), menyatakan bahawa apabila seseorang individu dapat menerapkan dan menyedari nilai kemahiran insaniah didalam diri mereka, masalah kekurangan peluang pekerjaan akan dapat mereka atasi dengan menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk membuktikan bahawa wujud pembangunan dan kesedaran kemahiran komunikasi

interpersonal menerusi kokurikulum kelab keusahawanan dalam kalangan pelajar UTHM.

Oleh sebab itu, penyelidik telah menggunakan elemen kemahiran insaniah seperti yang telah digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006) bagi mengukur tahap penerapan dan kesedaran kemahiran komunikasi interpersonal pelajar melalui aktiviti kokurikulum bercredit di universiti. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan ini pelajar yang bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum dapat dinilai dalam usaha menyediakan tenaga kerja yang berkualiti dan lebih berdaya saing dalam pasaran kerja masa kini (Devito, 2007).

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini telah menggunakan kaedah analisis dokumen, pemerhatian, temu bual dan borang soal selidik yang merupakan alat pengukuran sebagai instrumen untuk mendapatkan data. Kaedah temu bual telah dibuat secara bersemuka dengan responden yang telah dipilih, manakala kaedah pemerhatian telah dibuat secara berkala iaitu sekali seminggu bagi mengetahui perkembangan pelajar Kelab Keusahawanan terhadap pembangunan kemahiran komunikasi. Selain itu, borang soal selidik telah diedarkan kepada responden sebagai data sokongan kepada analisis kajian yang dibuat. Rangka operasi dalam Rajah 1.1 menerangkan dengan ringkas langkah-langkah operasi kajian yang dijalankan.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian data dibuat berdasarkan kepada persoalan kajian yang telah dibina. Semua data yang diperoleh daripada dokumen, pemerhatian, temu bual dan soal selidik dianalisis mengikut elemen kemahiran komunikasi interpersonal yang telah digariskan oleh KPT. Manakala analisis borang soal selidik dikaji menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 19.0.

### **Persoalan kajian satu : Penerapan elemen kemahiran komunikasi interpersonal kepada pelajar menerusi aktiviti kokurikulum Kelab Keusahawanan UTHM**

Bagi menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu menilai wujudnya penerapan elemen kemahiran komunikasi interpersonal kepada pelajar menerusi aktiviti yang dijalankan dalam Kelab Keusahawanan Seksyen 4 UTHM pada semester 2 sesi 2012/2013, penyelidik menggunakan dua kaedah analisis data iaitu data kualitatif dan data kuantitatif. Data kualitatif dalam kajian ini diperoleh daripada analisis dokumen, borang pemerhatian aktiviti persatuan dan transkrip temu bual yang dilakukan kepada dua orang pelajar dan seorang jurulatih Kelab Keusahawanan manakala data kuantitatif bagi menyokong dapatan kajian pula diperoleh daripada analisis peratusan dan kekerapan dari soal selidik.

Kaedah pertama dalam menganalisis data bagi persoalan kajian pertama ialah dengan menganalisis dokumen berkaitan Kelab Keusahawanan UTHM semester 2 sesi 2012/2013. Hasil analisis data, penyelidik mendapati terdapat unsur penerapan bagi setiap elemen kemahiran komunikasi interpersonal dalam setiap data yang dianalisis. Dokumen-dokumen yang dianalisis dapat menjelaskan cara pelajar Kelab Keusahawanan UTHM seksyen 4 semester 2 sesi 2012/2013 bertindak dan menjalankan tugas yang diberikan kepada mereka. Hasil kajian yang dibuat penyelidik mendapati bahawa pelajar Kelab Keusahawanan seksyen 4, semester 2 sesi 2012/2013 di UTHM dapat menjalankan tugas dengan baik dengan memberikan komitmen yang sepenuhnya ketika menghadiri aktiviti serta program yang dijalankan.

Kaedah kedua yang digunakan oleh penyelidik untuk menjawab persoalan kajian yang pertama ialah pemerhatian. Penyelidik menjalankan pemerhatian ke atas aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kelab Keusahawanan UTHM seksyen 4 semester 2 sesi 2012/2013 dengan mengikuti tiga kelas yang dijalankan pada setiap Rabu, dua sesi perbincangan serta

satu sesi lawatan yang disertai. Analisis dijalankan berdasarkan dapatan pemerhatian dengan mengambil kira kekerapan yang dicatatkan pada setiap item dalam borang pemerhatian sepanjang enam kali pemerhatian dijalankan. Kandungan item borang pemerhatian meliputi semua elemen kemahiran komunikasi interpersonal iaitu kebolehan menyampaikan idea dengan terang, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis, kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberikan maklum balas, kebolehan untuk membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar dan kebolehan mengembangkan kemahiran komunikasi secara perseorangan.

Dapatan menunjukkan kemahiran komunikasi interpersonal sangat diterapkan bagi elemen kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan dengan penuh yakin, secara lisan dan bertulis dan kebolehan mengembangkan komunikasi perseorangan. Manakala, kebolehan untuk membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar adalah sangat sedikit diterapkan dalam aktiviti yang dijalankan Kelab Keusahawanan UTHM seksyen 4 semester 2 sesi 2012/2013. Walau bagaimanapun, penyelidik mendapati jurulatih Kelab Keusahawanan turut meminta pelajar menggunakan elemen komunikasi interpersonal lain iaitu penggunaan teknologi bagi membantu pembentangan yang dijalankan. Selain itu, penyelidik mendapati elemen kebolehan berunding dan mencapai persetujuan turut diterapkan seperti perbincangan berkumpulan serta perbincangan untuk melakukan lawatan keusahawanan.

Kaedah ketiga yang digunakan penyelidik untuk menjawab persoalan kajian yang pertama ialah transkrip temu bual. Transkrip temu bual dianalisis untuk melihat sama ada wujud atau tidak penerapan elemen kemahiran komunikasi interpersonal menerusi penglibatan pelajar dalam aktiviti yang dijalankan oleh Kelab Keusahawanan UTHM seksyen 4 semester 2 sesi 2012/2013. Temu bual yang telah dilakukan merupakan temu bual separa berstruktur. Selepas temu bual dilakukan, penyelidik menyalin semula teks temu bual untuk dianalisis berdasarkan persoalan kajian. Responden menyatakan bahawa kemahiran untuk berkomunikasi interpersonal memang cukup diajar dan dilatih dalam kalangan pelajar kelab seperti temu bual dan pembentangan yang dilakukan.

“...biasanya dengan berbantuan power point dan edaran *handout* tp kalau tak sempat buat *handout* pakai power point je...yang penting apa yang hendak disampaikan tu dapat difahami dengan baik oleh pendengar pendengar tu yang selalu dipesan oleh jurulatih kelab...” (R1, Q9)

“Ya, saya akan cuba sedaya upaya menjawab soalan yang diberi seperti yang diminta jurulatih” (R2, Q8)

Maklum balas daripada Jurulatih menjelaskan bahawa penerapan ini biasanya adalah secara tidak langsung tetapi itulah cara untuk menerapkan kemahiran komunikasi interpersonal menerusi Kelab Keusahawanan UTHM.

“Arahkan untuk pergi buat lawatan dan temu bual peniaga, arahkan untuk sentiasa bersama kumpulan untuk selesaikan masalah, buat pembentangan, lihat tahap penglibatan walaupun sebagai ahli biasa.”

Berdasarkan analisis terhadap maklum balas daripada temu bual yang dijalankan ini, penyelidik merumuskan bahawa terdapat kesemua elemen-elemen kemahiran komunikasi interpersonal yang diterapkan dalam Kelab Keusahawanan Seksyen 4 UTHM, semester 2 sesi 2012/2013. Dari segi asasnya sememangnya wujud elemen-elemen komunikasi interpersonal dalam Kelab Keusahawanan UTHM, tetapi untuk meningkatkan penerapan kemahiran komunikasi interpersonal Kelab Keusahawanan UTHM seharusnya mencari jalan penyelesaian untuk meningkatkan tahap kemahiran komunikasi interpersonal ini terutama dalam kalangan pelajar.

Kaedah keempat yang digunakan oleh penyelidik untuk menjawab persoalan kajian yang pertama ialah borang soal selidik. Bahagian B borang soal selidik merupakan set item mengenai penerapan kemahiran komunikasi interpersonal menerusi Kelab Keusahawanan UTHM. Bahagian ini meliputi empat bahagian yang merujuk kepada elemen kemahiran komunikasi interpersonal yang dikaji iaitu elemen kebolehan menyampaikan idea dengan terang, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis, kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberikan maklum balas, kebolehan untuk membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar dan kebolehan mengembangkan kemahiran komunikasi secara perseorangan. Bagi menjawab persoalan ini, penyelidik menganalisis skor min, peratusan dan kekerapan bagi setiap item elemen kemahiran komunikasi interpersonal seperti yang ditafsirkan dalam Jadual 1.1.

Berdasarkan hasil daripada analisis soal selidik Bahagian B (Jadual 1.1), mendapati elemen Kebolehan mengembangkan kemahiran komunikasi secara perseorangan, item B12 merupakan elemen kemahiran komunikasi interpersonal yang paling diterap kepada pelajar (min=4.35). Manakala, Item B14 dan B15 merupakan skor min paling rendah iaitu 4.00. Namun begitu kesemua item berada dalam skor min yang tinggi iaitu melebihi 4.00. Malahan, skor min keseluruhan juga adalah tinggi iaitu 4.21. Hal ini membuatkan penyelidik merumuskan bahawa Kelab Keusahawanan UTHM seksyen 4 semester 2 sesi 2012/2013 sememangnya menerapkan elemen kemahiran komunikasi interpersonal dalam kursus yang dijalankan. Hal ini membuktikan bahawa kursus yang dijalankan oleh Kelab Keusahawanan UTHM menerusi aktiviti kokurikulum sememangnya menerapkan kemahiran komunikasi interpersonal terhadap pelajar.

#### **Persoalan kajian dua: Tahap kesedaran pelajar terhadap elemen kemahiran komunikasi interpersonal menerusi aktiviti kokurikulum Kelab Keusahawanan UTHM**

Bagi menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu menilai wujudnya kesedaran elemen kemahiran komunikasi interpersonal kepada pelajar menerusi aktiviti yang dijalankan dalam Kelab Keusahawanan UTHM seksyen 4 semester 2 sesi 2012/2013, penyelidik menggunakan dua kaedah analisis data iaitu data kualitatif dan data kuantitatif. Data kualitatif dalam kajian ini diperolehi daripada transkrip temu bual yang dilakukan kepada pelajar manakala data kuantitatif bagi menyokong dapatan kajian pula diperolehi daripada analisis peratusan dan kekerapan dari soal selidik. Oleh yang demikian, bagi mencapai objektif kajian ini, penyelidik telah menemu bual dua orang pelajar Kelab Keusahawanan UTHM seksyen 4 semester 2 sesi 2012/2013 untuk mengetahui secara lebih mendalam kesedaran elemen kemahiran.

“Penting...sebab mudah untuk kita faham perasaan dan pendapat orang lain tentang sesuatu perkara.” (R1, Q5)

“Berani menyampaikan mesej yang mahu disampaikan.” (R2, Q6)

Hasil analisis temu bual yang dijalankan, penyelidik mendapati pelajar menyedari kepentingan kesedaran terhadap kesemua elemen kemahiran komunikasi interpersonal yang diterapkan dalam Kelab Keusahawanan Seksyen 4 UTHM, semester 2 sesi 2012/2013. Namun pelajar masih kurang menyedari kebolehan mengembangkan komunikasi perseorangan dengan jelas.

Kaedah keempat yang digunakan oleh penyelidik untuk menjawab persoalan kajian yang pertama ialah borang soal selidik. Set item soal selidik mengenai kesedaran pelajar terhadap penerapan kemahiran komunikasi interpersonal menerusi Kelab Keusahawanan terdapat dalam bahagian C borang soal selidik. Bahagian ini meliputi empat bahagian yang merujuk kepada elemen kemahiran komunikasi interpersonal yang dikaji iaitu elemen kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan penuh keyakinan secara lisan,

kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberi maklum balas, kebolehan membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar serta kebolehan mengembangkan komunikasi perseorangan. Analisis item elemen kemahiran komunikasi interpersonal ditafsirkan dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2 menunjukkan skor min, kekerapan dan peratusan kesedaran pelajar Kelab Keusahawanan terhadap kesedaran elemen kemahiran komunikasi interpersonal menerusi aktiviti Kelab Keusahawanan UTHM. Dapatan menunjukkan skor min keseluruhan yang dicatatkan dalam item ini adalah sebanyak 4.09. Hal ini menunjukkan bahawa kesedaran pelajar terhadap penerapan kemahiran komunikasi interpersonal pelajar Kelab Keusahawanan adalah pada tahap tinggi. Pada bahagian elemen kebolehan untuk membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar, item C8 dan C10 menunjukkan kekerapan paling tinggi dengan peratusan sebanyak 65 peratus dan berada pada skala sedar dengan 16 bilangan kekerapan dan skor min adalah sebanyak 4.25. Namun begitu, didapati elemen kemahiran komunikasi interpersonal keempat iaitu kebolehan mengembangkan kemahiran komunikasi secara perseorangan, item C14 memberikan nilai min yang paling rendah iaitu sebanyak 3.60 di mana sebanyak 55 peratus pelajar sedar akan penerapan elemen komunikasi interpersonal yang dikemukakan.

Walaupun bagaimanapun, item lain berada dalam skor min yang tinggi iaitu melebihi 3.70. Malahan, skor min keseluruhan juga adalah tinggi iaitu 4.09. Hal ini membuatkan penyelidik merumuskan bahawa Kelab Keusahawanan UTHM seksyen 4 semester 2 sesi 2012/2013 sememangnya sedar elemen kemahiran komunikasi interpersonal dalam kursus yang dijalankan. Hal ini membuktikan bahawa kursus yang dijalankan oleh Kelab Keusahawanan UTHM menerusi aktiviti kokurikulum sememangnya memberi kesedaran kepada pelajar tentang kemahiran komunikasi interpersonal.

#### **PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

Perbincangan dibuat berdasarkan kepada hasil dapatan mengikut setiap persoalan kajian yang dibentuk dalam kajian ini di samping penguraian terhadap hasil dapatan yang diperolehi. Perbincangan kajian dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu;

- i) Penerapan elemen kemahiran komunikasi interpersonal kepada pelajar menerusi aktiviti kokurikulum Kelab Keusahawanan UTHM
- ii) Tahap kesedaran pelajar terhadap elemen kemahiran komunikasi interpersonal menerusi aktiviti kokurikulum Kelab Keusahawanan UTHM.

#### **Penerapan elemen kemahiran komunikasi interpersonal kepada pelajar menerusi aktiviti kokurikulum Kelab Keusahawanan UTHM**

Penerapan elemen kemahiran komunikasi interpersonal menerusi aktiviti kokurikulum Kelab Keusahawanan UTHM semester 2 sesi 2012/2013 di bincang berdasarkan persoalan kajian pertama iaitu,

“Adakah elemen kemahiran komunikasi interpersonal diterapkan dalam kalangan pelajar menerusi aktiviti kokurikulum Kelab Keusahawanan?”

Perbincangan yang dibuat bagi persoalan pertama ini merangkumi empat elemen kemahiran komunikasi interpersonal yang dikaji iaitu elemen kebolehan menyampaikan idea dengan terang, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis, kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberikan maklum balas, kebolehan untuk membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar dan kebolehan mengembangkan kemahiran komunikasi secara perseorangan.

Hasil analisis daripada dapatan kajian terhadap penerapan kemahiran komunikasi interpersonal berdasarkan analisis dokumen, pemerhatian, temu bual dan soal selidik,

penyelidik merumuskan bahawa wujud penerapan terhadap elemen-elemen kemahiran komunikasi interpersonal menerusi aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh Kelab Keusahawanan UTHM. Berdasarkan elemen-elemen kemahiran yang dikaji, penyelidik mendapati bahawa jurulatih Kelab Keusahawanan dapat menerapkan kesemua elemen komunikasi interpersonal dengan berkesan. Keadaan ini disokong dengan skala yang tinggi diperoleh daripada maklum balas yang diterima melalui soal selidik. Dapatan kajian ini adalah selari dengan buku Kokurikulum : Peranan dan Implikasi tulisan Omar Fauzee, Yusof & Yusof (2002) yang menyatakan bahawa aktiviti-aktiviti kokurikulum seperti sukan dan permainan, persatuan dan kelab, serta pasukan pakaian seragam dapat menyediakan peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang telah dipelajari. Menurut Badusah *et al.* (2009) pula, kokurikulum di IPT merupakan pelengkap kepada kitaran kurikulum pengajian bidang teras.

Selain itu, hasil kajian penyelidik juga menepati rumusan kajian yang telah dijalankan oleh Matin *et al.* (2010), menyatakan bahawa kemahiran komunikasi interpersonal amat penting dalam sesebuah organisasi. Organisasi dalam konteks kajian ini adalah Kelab Keusahawanan yang telah membuktikan bahawa pembangunan kemahiran interpersonal dapat dilakukan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Hal ini turut disokong oleh Ab Hadi *et al.* (2008) dalam kajian mereka iaitu Sumbangan Kurikulum dan Kokurikulum Bagi Penguasaan Kemahiran Insaniah Terhadap Pelajar Tahun Akhir UTHM menunjukkan bahawa aktiviti kurikulum dan kokurikulum dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran insaniah termasuklah kemahiran berkomunikasi interpersonal. Dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian Burns (2007), penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal menerusi kegiatan kokurikulum dapat meningkatkan kebolehan pasaran kerja pelajar meningkat.

Hal ini jelas bercanggah dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Rubin, Bommer, & Baldwin (2002), yang menyatakan terdapat beberapa aktiviti luar bilik darjah yang membuang masa pelajar iaitu terdapat aktiviti yang dijalankan tidak menyokong subjek pembelajaran di dalam kelas. Dapatan kajian ini juga telah menyangkal pendapat Cook & Blue (2004) yang mengaitkan keciciran pelajar dengan penglibatan aktif mereka dalam kokurikulum. Keadaan ini menurutnya, pelajar akan lebih menumpukan perhatian kepada aktiviti kokurikulum berbanding dengan pelajaran mereka. Malahan, Leung, Ng, and Chan (2011), menyatakan bahawa kegiatan kokurikulum tidak akan mempengaruhi pembangunan kemahiran insaniah pelajar.

Secara signifikasinya, melalui kajian yang telah dijalankan ini, penyelidik melihat bahawa kemahiran komunikasi interpersonal amat penting diterapkan ke dalam diri pelajar. Hasrat tersebut dapat dilaksanakan dengan baik melalui penglibatan aktif bukan sahaja melalui Kelab Keusahawanan tetapi juga pelajar perlu aktif dalam perbincangan di dalam kelas. Disamping itu juga, penglibatan tenaga pengajar bagi menarik minat pelajar untuk mencapai hasrat ini perlu dipertingkatkan. Pendapat-pendapat yang mengatakan aktiviti kokurikulum hanya membuang masa pelajar adalah sangat tidak relevan. Hal ini kerana pengisian kurikulum Kelab Keusahawanan yang diterapkan dalam setiap aktiviti yang dijalankan dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran insaniah (KI) mereka khususnya kemahiran komunikasi.

Hal ini bertepatan dengan pendapat Yassin *et al.* (2008), menyatakan bahawa penerapan kemahiran insaniah dapat dilaksanakan melalui kursus kokurikulum bercredit di universiti yang dapat membantu pelajar dalam mengembangkan potensi dalam menempuhi alam pekerjaan. Bridgstock (2009) memperkukuhkan lagi dapatan kajian berkenaan kepentingan pembangunan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar untuk meningkatkan kebolehan pasaran pelajar untuk memperolehi pekerjaan. Oleh itu, pihak universiti disarankan untuk melaksanakan kursus kokurikulum yang dapat memberi peluang kepada para pelajar supaya didedahkan dengan aktiviti yang dapat membangunkan modal insan sebagai persediaan menghadapi alam pekerjaan kelak seperti melalui Kelab Keusahawanan (KPT, 2007). Pembelajaran kursus keusahawanan ini dapat memberikan pengalaman yang sebenar

kepada pelajar disamping dapat mengembangkan kemahiran komunikasi interpersonal pelajar.

Namun, penyelidik mendapati bahawa penerapan dalam elemen kebolehan membuat pembentangan secara jelas dengan penuh yakin dan bersesuaian dengan tahap pendengar amat kurang diterapkan oleh jurulatih. Jurulatih hanya memberi penekanan terhadap elemen kemahiran ini apabila pelajar diminta melakukan pembentangan. Seharusnya jurulatih memberikan pendedahan yang lebih konsisten terhadap elemen kemahiran ini agar penerapan yang dilakukan mampu memberikan impak yang lebih menueluruh kepada pelajar. Pada pengamatan saya, seharusnya jurulatih menerangkan dengan lebih terperinci maklumat yang seharusnya dimasukkan dalam setiap pembentangan agar pembentangan yang dilakukan dapat menggambarkan idea keseluruhan kepada rancangan perniagaan dan laporan program lawatan ke Pulau Pangkor. Selain itu juga, jurulatih perlulah menekankan kepentingan pembentangan yang dilakukan agar pelajar mengetahui kepentingan setiap pembentangan yang dilakukan.

Secara keseluruhannya, penyelidik mendapati elemen kemahiran komunikasi interpersonal sememangnya dapat diterapkan melalui aktiviti kokurikulum Kelab Keusahawanan. Disamping itu, terdapat juga elemen kemahiran insaniah lain yang dapat diterapkan iaitu kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kepimpinan dan kemahiran kerja berpasukan yang perlu ada bagi melahirkan seorang usahawan muda yang berkaliber dan berkualiti. Hal ini membuktikan bahawa kajian yang dijalankan ini sangat signifikan terhadap pelajar bagi membantu pelajar menempuhi alam pekerjaan kelak atau menceburkan diri dalam perniagaan. Selain itu, kajian ini turut signifikan terhadap jurulatih bagi membolehkan jurulatih membuat persediaan yang lebih terperinci sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran setiap kali perjumpaan dilakukan agar dapat mencari kaedah penerapan kemahiran komunikasi interpersonal yang lebih efisien. Keadaan ini juga amat signifikan terhadap teori pembangunan pelajar yang digunakan dalam kajian ini. Hal ini kerana penyelidik dapat menilai wujud atau tidak penerapan kemahiran komunikasi interpersonal dalam aktiviti kokurikulum Kelab Keusahawanan di UTHM.

Oleh itu, penyelidik merumuskan bahawa penglibatan pelajar secara langsung dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh Kelab Keusahawanan UTHM semester 2 sesi 2012/2013 menepati hasrat pihak KPT untuk melahirkan modal insan yang berdaya saing diperingkat global. Selain itu juga, penyelidik mendapati bahawa aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh Kelab Keusahawanan mampu menerapkan kemahiran insaniah khususnya kemahiran komunikasi interpersonal dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia dengan jayanya. Usaha ini seiring dengan misi dan visi negara ke arah pembangunan pelajar dalam era globalisasi masa kini agar setanding dengan luar negara.

#### **Tahap kesedaran pelajar terhadap elemen kemahiran komunikasi interpersonal menerusi aktiviti kokurikulum Kelab Keusahawanan UTHM**

Kesedaran Pelajar Kelab Keusahawanan semester 2 sesi 2012/2013 terhadap penerapan elemen kemahiran komunikasi interpersonal menerusi aktiviti kokurikulum Kelab Keusahawanan UTHM di bincang berdasarkan kepada persoalan kajian yang kedua iaitu,

“Bagaimanakah tahap kesedaran pelajar terhadap elemen kemahiran komunikasi interpersonal menerusi aktiviti kokurikulum dalam Kelab Keusahawanan?”

Perbincangan yang dibuat bagi persoalan kedua ini berdasarkan kepada analisis dua instrumen yang penyelidik gunakan iaitu transkrip temu bual dan maklum balas daripada responden berdasarkan soal selidik. Setiap instrumen merangkumi empat elemen kemahiran komunikasi interpersonal yang dikaji iaitu elemen kebolehan menyampaikan idea dengan terang, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis, kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberikan maklum balas, kebolehan

untuk membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar dan kebolehan mengembangkan kemahiran komunikasi secara perseorangan.

Berdasarkan hasil analisis daripada dapatan kajian menggunakan instrumen-instrumen tersebut, penyelidik merumuskan bahawa pelajar Kelab Keusahawanan semester 2 sesi 2012/2013 sedar terhadap penerapan elemen-elemen kemahiran komunikasi menerusi aktiviti-aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh Kelab Keusahawanan UTHM. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Mohd Noor & Sahimin (2010) terhadap pelajar Kolej Yayasan Sabah di mana menyatakan pelajar dapat menyedari penerapan kemahiran komunikasi interpersonal. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pelajar menyedari aktiviti kokurikulum yang dijalankan turut menyumbang penerapan kemahiran komunikasi interpersonal termasuk melalui Kelab Keusahawanan. Dapatan kajian penyelidik diperkukuhkan lagi dengan dapatan kajian Vermaas, Dijk & Houdt, 2009 mengenai kepentingan kokurikulum dalam mengembangkan bakat serta potensi pelajar yang hanya disedari setelah menyertai aktiviti kokurikulum. Kesedaran terhadap pengembangan kemahiran insaniah yang dimiliki menyebabkan pelajar akan terus mengasah dan mengembangkan bakat agar dapat menguasainya.

Dapatan kajian ini juga turut disokong oleh Selamat *et al.* (2013) menyatakan bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dapat menyedarkan pelajar terhadap kemahiran insaniah yang mampu dibangunkan. Hal ini kerana pelajar merasa perubahan kebolehan diri dalam kemahiran insaniah yang diperolehi daripada aktiviti kokurikulum yang dijalankan. Malahan, kajian ini juga selari dengan dapatan Storey (2010) yang menyatakan tentang kesedaran kepentingan kokurikulum dalam membangunkan kemahiran insaniah pelajar sebagai persediaan menghadapi alam pekerjaan. Malahan, Shuriye (2011) dalam kajiannya turut menyatakan bahawa program berkredit kokurikulum dapat memberi kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan aktiviti kokurikulum dalam membangunkan kemahiran insaniah. Hal ini juga disokong oleh Wood *et al.* (2008) yang menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum memberi kesedaran tentang kemahiran insaniah yang dimiliki.

Walau bagaimanapun, hasil kajian penyelidik ternyata berbeza dengan pendapat Wilson (2009) yang menyatakan bahawa aktiviti fizikal yang terlalu banyak mendorong pelajar menjauhi jadual akademiknya. Pandangan negatif tersebut turut terdapat dalam hasil kajian Polymerou (2007) ke atas pelajar yang terlibat dalam kokurikulum universiti dan kolej di Amerika yang mendapati bahawa terdapat pelajar yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan alkohol sepanjang penglibatan mereka dalam kokurikulum. Malahan, penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum tidak dapat membentuk disiplin seseorang pelajar. Daripada kajian yang penyelidik jalankan ini, penyelidik berpendapat bahawa keadaan serta masalah yang dinyatakan tersebut tidak akan berlaku apabila pelajar sendiri sedar bahawa mereka sedang diterapkan dengan kemahiran insaniah yang akan membantu mereka mendapatkan kerja atau membuka perniagaan pada masa hadapan.

Dapatan kajian yang dijalankan, penyelidik mendapati pelajar sememangnya menyedari kepentingan kemahiran komunikasi interpersonal ini. Namun, pelajar masih belum mampu menguasai sepenuhnya kemahiran komunikasi interpersonal ekoran kurangnya penerapan secara holistik daripada jurulatih Kelab Keusahawanan. Oleh itu, jurulatih Kelab Keusahawanan khususnya perlu memberitahu kepada pelajar tentang kepentingan kemahiran komunikasi interpersonal kepada mereka agar dapat memberi kesedaran dengan lebih secara menyeluruh kepada pelajar. Oleh yang demikian, pelajar akan berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh untuk menguasai kemahiran komunikasi interpersonal ini. Selain itu, pensyarah-pensyarah serta tenaga-tenaga pengajar umumnya perlulah memaklumkan kepada pelajar kepentingan kemahiran komunikasi interpersonal ini kepada mereka apabila mereka melangkah ke alam pekerjaan kelak. Pendedahan serta ingatan secara konsisten dapat membantu pelajar menyedari kepentingan kemahiran komunikasi interpersonal ini dengan lebih menyeluruh.

Signifikannya, kajian ini menunjukkan bahawa pentingnya kesedaran pelajar terhadap kemahiran komunikasi interpersonal agar mereka dapat bersaing dalam dunia globalisasi



masa kini untuk mendapatkan pekerjaan. Penerangan daripada organisasi kelab, persatuan dan badan beruniform perlu agar pelajar memahami dengan lebih jelas objektif dan matlamat setiap aktiviti yang dijalankan dalam pembangunan diri pelajar. Hal ini selaras dengan teori pembangunan pelajar yang digunakan dalam kajian ini. Kesedaran pelajar terhadap kemahiran insaniah amat penting kerana mereka merupakan sumber tenaga kerja pada masa hadapan.

Secara keseluruhannya, penyelidik mendapati pelajar sememangnya menyedari elemen kemahiran komunikasi interpersonal melalui aktiviti kokurikulum Kelab Keusahawanan. Hal ini membuktikan bahawa kajian yang dijalankan ini sangat signifikan terhadap pelajar dalam memberi kesedaran tentang kepentingan kemahiran komunikasi interpersonal sebagai persediaan menempuhi alam pekerjaan kelak serta melahirkan lebih ramai usahawan muda yang berjaya. Selain itu, kajian ini turut signifikan terhadap jurulatih bagi membolehkan jurulatih membuat persediaan yang lebih terperinci sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran setiap kali perjumpaan dilakukan agar dapat memberi kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan kemahiran komunikasi interpersonal. Malahan, kajian ini amat signifikan terhadap teori pembangunan pelajar yang digunakan sebagai garis panduan dalam menilai tahap kesedaran pelajar dalam kemahiran komunikasi interpersonal ini.

Oleh itu, berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan penyelidik menyimpulkan bahawa pelajar Kelab Keusahawanan menyedari elemen-elemen kemahiran komunikasi interpersonal dalam kehidupan seharian mereka. Penglibatan pelajar secara langsung dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh Kelab Keusahawanan UTHM semester 2 sesi 2012/2013 menunjukkan kesedaran terhadap kemahiran komunikasi interpersonal. Hal ini menepati hasrat pihak KPT untuk melahirkan pelajar IPT di Malaysia yang dilengkapi dengan kemahiran insaniah khususnya kemahiran komunikasi interpersonal secara holistik. Usaha ini seiring dengan misi dan visi negara ke arah pembangunan pelajar dalam era globalisasi masa kini agar setanding dengan luar negara.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan perbincangan dapatan kajian dapat disimpulkan bahawa kemahiran komunikasi interpersonal yang terdiri elemen kemahiran insaniah yang mesti dikuasai iaitu elemen kebolehan menyampaikan idea dengan terang, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis, kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberikan maklum balas, kebolehan untuk membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar serta elemen kemahiran insaniah tambahan iaitu kemahiran kebolehan mengembangkan kemahiran komunikasi secara perseorangan jelas sekali diterapkan dalam Kelab Keusahawanan UTHM. Pelajar Kelab Keusahawanan juga jelas sedar akan penerapan kesemua elemen kemahiran komunikasi interpersonal yang diterapkan menerusi aktiviti Kelab Keusahawanan UTHM.

Walaupun penerapan kemahiran komunikasi interpersonal ini diterapkan dengan baik, namun pelajar Kelab Keusahawanan berpendapat bahawa kaedah penerapan kemahiran komunikasi interpersonal ini perlu diperbaiki. Hal ini kerana walaupun mereka merasa penerapan kemahiran komunikasi interpersonal yang diperoleh oleh mereka memberi kesan yang sangat positif namun perlu wujud penambahbaikan agar elemen yang ingin diterapkan akan lebih berkesan dari segi kesedaran kepentingan penguasaannya pada masa akan datang. Mereka juga berpendapat bahawa perlu wujud pendedahan yang lebih menyeluruh tentang kemahiran komunikasi interpersonal ini walaupun mereka sedar akan kesannya terhadap kehidupan seharian mereka.

Secara keseluruhan, berdasarkan dapatan hasil kajian daripada semua instrumen dapat disimpulkan bahawa wujud pembangunan kemahiran komunikasi interpersonal menerusi aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh Kelab Keusahawanan. Malahan penerapan dan kesedaran elemen kemahiran komunikasi interpersonal tersebut adalah pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa bahagian yang perlu penambahbaikan berdasarkan pemerhatian yang dijalankan. Namun begitu, bagi keseluruhan elemen-elemen

yang dikaji serta beberapa elemen kemahiran komunikasi interpersonal tambahan lain jelas membuktikan bahawa Kelab Keusahawanan UTHM merupakan salah satu agen penggerak dalam meningkatkan kemahiran komunikasi interpersonal dalam kalangan pelajar UTHM bagi pembangunan modal insan yang berguna kepada negara.

## **CADANGAN**

Hasil daripada keseluruhan dapatan kajian jelaslah bahawa aktiviti kokurikulum Kelab Keusahawanan dapat menerapkan dan memberi kesedaran tentang kemahiran komunikasi interpersonal. Malahan tahap kesedaran pelajar terhadap pentingnya elemen kemahiran komunikasi interpersonal adalah sangat tinggi. Oleh sebab itu, pelajar bersungguh-sungguh dalam melaksanakan aktiviti serta program yang telah ditetapkan. Pelajar Kelab Keusahawanan dilihat dapat menguasai elemen kemahiran komunikasi interpersonal dalam mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

Walau bagaimanapun, masih perlu penambahbaikan yang harus dilakukan agar pembangunan kemahiran komunikasi interpersonal ini menjadi lebih mantap dimasa hadapan sebagai persediaan menghadapi alam pekerjaan kelak. Oleh itu, penyelidik mencadangkan agar satu program perniagaan mingguan diwujudkan dalam usaha meningkatkan lagi tahap kemahiran insaniah pelajar menerusi Kelab Keusahawanan ini. Menerusi program ini pelajar perlu merancang perniagaan jangka pendek yang memerlukan pelajar berkomunikasi secara lebih menyeluruh dalam menjayakan sesuatu perniagaan. Pelajar bukan sahaja perlu merancang perniagaan tersebut tetapi perlu menyediakan produk untuk dijual dalam suatu jangka masa bagi mendapatkan pulangan modal seperti dalam mesyuarat yang telah dijalankan. Selain itu, pelajar perlu menyediakan serta membentangkan kertas kerja serta laporan akhir hasil daripada perniagaan yang telah dijalankan.

Berdasarkan cadangan yang dikemukakan, penyelidik berasa amat yakin kemahiran komunikasi interpersonal menerusi aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh Kelab Keusahawanan UTHM akan dapat dipertingkatkan jika cadangan yang dikemukakan ini dilaksanakan. Hal ini kerana pelaksanaan cadangan penambahbaikan yang diberikan akan menjadikan Kokurikulum Kelab Keusahawanan semakin diminat pada masa akan datang. Selain itu, penekanan terhadap pembangunan kemahiran insaniah terutama kemahiran komunikasi interpersonal pelajar secara holistik melalui aktiviti kokurikulum dilihat dapat membantu pelajar menempatkan diri dalam sektor pekerjaan.

## **PENUTUP**

Aktiviti kokurikulum dapat melahirkan modal insan yang berkualiti dan bersifat fleksibel serta dapat membantu mengurangkan masalah pengangguran graduan di Malaysia dan di dunia keseluruhannya. Oleh yang demikian, wajarlah pelajar melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum yang mampu menjadi pemangkin dalam membangunkan kemahiran insaniah (KI) pelajar dengan lebih menyeluruh.

## **RUJUKAN**

- Ab Hadi, M. Y., Esa, A., Vinayagam, Y., & Yasak, Z. (2008). Sumbangan Kurikulum dan Kokurikulum Bagi Penguasaan Kemahiran Generik Terhadap Pelajar Tahun Akhir UTHM, *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. Universiti Teknologi Malaysia. Dicapai pada Mei 27, 2012, dari [http://eprints.uthm.edu.my/2325/1/4E-Sumbangan\\_Kurikulum.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/2325/1/4E-Sumbangan_Kurikulum.pdf)
- Abu Bakar, I. K. (2007). Entrepreneurship Education In TVET Curriculum. *International Seminar On Technical & Vocational Education and Training (ISTVET 2007) : Technical Innovation & Business Enterprise "Moving Up The Value Chain"*, 3-5


December 2007. Equatorial Hotel Melaka, Malaysia, City Polytechnic of Melaka. ms. 194-203.

- Badusah, J., Awang Hashim, R., Konting, M. M., Suandi, T., Salih, M., & Yusof, N. (2009). *Pembangunan Pelajar, Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Beebe, S. A., Beebe, S. J. & Redmond, M. V. (2008). *Interpersonal Communication : Relating To Others*. 5<sup>th</sup> Edition. New York: Pearson Education, Inc.
- Blue, D. & Cook, J., E. (2004). High School Dropouts: Can We Reverse the Stagnation in School Graduation?. *Study of High School Restructuring, 1 (2)*, 1-11. Dicapai pada Mei 27, 2012, dari <http://www.edb.utexas.edu/hsns/HSNSbrief2.pdf>
- Bridgstock, R. (2009). The Graduate Attributes We've Overlooked: Enhancing Graduate Employability Through Career Management Skills. *Higher Education Research & Development*, Vol. 28, No. 1, March 2009, 31-44. Routledge, Taylor & Francis Group. Dicapai pada Januari 13, 2013, dari <http://www.informaworld.com>
- Burns, P. (2007). *Entrepreneurship and small business 2<sup>nd</sup> Edition*. New York: Palgrave.
- Devito, J. A. (2007). *The Interpersonal Communication Book*. 11<sup>th</sup> Edition. New York: Pearson Education, Inc.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2007). *Asas Pembudayaan Keusahawanan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Kuh, G. D., Cruce, T. M., Shoup, R., Kinzie, J. & Gonyea, R. M. (2008). Unmasking the Effects of Student Engagement on First-Year College Grades
- Leung, C. H., Ng, C.W. R., & Chan, P. O. E. (2009). Can Co-curricular Activities Enhance the Learning Effectiveness of Students?:An Application to the Sub-degree Students in Hong Kong, *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education 2011, Volume 23, Number 3*, 329-341. Dicapai pada Januari 13, 2013, dari <http://www.isetl.org>
- Matin, H. Z., Jandaghi, G., Karimi, F. H. & Hamidzadeh, A. (2010). Relationship between Interpersonal Communication Skills and Organizational Commitment (Case Study: Jahad Keshavarzi and University of Qom, Iran), *European Journal of Social Sciences, 13(3)*, 387-398. Dicapai pada Mei 27, 2012, dari [www.eurojournals.com\\_ejss\\_13\\_3\\_06](http://www.eurojournals.com_ejss_13_3_06)
- Mohd Noor, N. & Sahimin, S. (2010). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Kolej Yayasan Sabah*. Dicapai pada Mei 27, 2012, dari <http://eprints.utm.my/10527/1/>
- Nik Mahmood, N. H. (2006). *Kebimbangan Komunikasi di Kalangan Pelajar UTM : Satu Realiti atau Mitos?* Dicapai pada Mei 27, 2012, dari <http://eprints.utm.my/132/2/>
- Omar Fauzee, M. S., Yusof, A. & Yusof, B. (2003). *Kepentingan dan Keperluan Aktiviti Kokurikulum di Sekolah*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Pascarella, E. T., Cruce, T., Umbach, P. D., Wolniak, G. C., Kuh, G. D., Carini, R. M., Hayek, J. C., Gonyea, R. M. & Zhao, C. M. (2006). Institutional Selectivity and Good Practices in Undergraduate Education: How Strong Is the Link?, *The Journal of Higher Education, 77(2)*, 251-285. Dicapai pada Jun 5, 2012, dari <http://www.jstor.org/stable/3838808>
- Polymerou, A. (2007). *Alcohol and Drug Prevention in Colleges and Universities*. A Review of The Literature. Dicapai pada Mei 27, 2012, dari [www.mentorfoundation.org/uk](http://www.mentorfoundation.org/uk)
- Rubin, R. S., Bommer, W. H. & Baldwin, T. T. (2002). Using Extracurricular Activity As An Indicator of Interpersonal Skill : Prudent Evaluation or Recruiting Malpractice?, *Human Resource Management, 41(4)*, 441-454. Dicapai pada Mei 27, 2012, dari [www.interscience.wiley.com](http://www.interscience.wiley.com)

- Selamat, J., Ismail, K., Ahmad, A., & Noordin, S. A. (2013). Self-Driven Co-Curricular Activities: A Subtle Way to Enhance Students' Soft Skills, *World Applied Sciences Journal* 22 (2): 287-291, 2013. Dicapai pada Mei 13, 2013, dari [http://www.idosi.org/wasj/wasj22\(2\)13/20.pdf](http://www.idosi.org/wasj/wasj22(2)13/20.pdf)
- Shuriye, A. O., (2011). The Role of Credited Co-Curricular Programmes on the Internationalization and Infusing Values into Student's Personality: The IIUM Model, *Journal of Emerging Trends in Educational Research and Policy Studies (JETERAPS)* 2 (2): 100-107. Scholarlink Research Institute Journals. Dicapai pada Mei 27, 2012, dari <http://jeteraps.scholarlinkresearch.org>
- Storey, K. L.,(2010). Bridging the Gap: Linking Co-Curricular Activities to Student Learning Outcomes in Community College Students. *Dissertations. Paper 30*. Dicapai pada Mei 27, 2012, dari <http://digitalcommons.nl.edu/diss/30>
- Vermaas, S., Dijl, E. V. W. & Houdt, K. V. (2009). *Extracurricular Activities At School, The Relationship Between Specialisation in Subject Areas and Exit Level and The Extracurricular Activities of High School Students, A Case Study at State College Area High School, State College, Pennsylvania (U.S.A)*. Dicapai pada Mei 27, 2012, dari <http://igitur-archive.library.uu.nl/student-theses/2009-1028-200205/>
- Wilson, N. (2009). *Impact of Extracurricular Activities on Students*. University of Wisconsin-Stout: Tesis Sarjana. Dicapai pada Mei 27, 2012, dari <http://www2.uwstout.edu/content/lib/thesis/2009/2009wilsonn.pdf>
- Wood, J., Little, S., Goldring, L. & Jenkins, L. (2008). "The Confidence To Do Things That I Know Nothing About": skills development through extra-curricular inquiry activity, *Proceedings: 3rd Learning Through Inquiry Alliance (LTEA) Conference 2008: 'Inquiry in a Networked World'*. UK: Centre for Inquiry-based Learning in the Arts and Social Sciences (CILASS), Information Commons, University of Sheffield. Dicapai pada Mei 27, 2012, <https://sheffield.ac.uk>
- Yassin, S., Hasan, F., Amin, W. & Amiruddin, N. (2008). Implementation of Generic Skills in the Curriculum, *Proceedings of the EDU-COM 2008 International Conference. Sustainability in Higher Education: Directions for Change, Edith Cowan University, Perth Western Australia, 19-21 November 2008*. Dicapai pada Mei 27, 2012, dari <http://ro.ecu.edu.au/cgi/viewcontent.cgi?article=1053&context=ceducom>

Rajah 1.1: Rangka Operasi Kajian

(Diadaptasi dari Huber, Eggenhofer, Schafer, dan Titza, 2007)



Jadual 1.1 : Analisis skor min, kekerapan dan peratusan penerapan bagi item elemen kemahiran komunikasi interpersonal

1. Kebolehan menyampaikan idea dengan terang, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis.			ST	TT	KT	T	ST	Skor Min	Interpretasi Min
B1	Jurulatih sentiasa membimbing saya menyatakan sesuatu perkara dengan jelas.	F	-	-	2	14	4	4.10	Tinggi
		%	-	-	10	70	20		
B2	Jurulatih sentiasa meminta saya menggunakan bahasa yang dapat difahami dengan jelas untuk menyampaikan maklumat kepada orang lain.	F	-	-	1	14	5	4.20	Tinggi
		%	-	-	5	70	25		
B3	Jurulatih sentiasa memastikan saya menggunakan bahasa yang sopan ketika berkomunikasi.	F	-	-	1	14	5	4.20	Tinggi
		%	-	-	5	70	25		
2. Kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberikan maklum balas.			ST	TT	KT	T	ST	Skor Min	Interpretasi Min
B4	Jurulatih sentiasa memastikan saya memberi sepenuh perhatian ketika berkomunikasi dengan orang lain.	F	-	1	-	13	6	4.20	Tinggi
		%	-	5	-	65	30		
B5	Jurulatih sentiasa meminta saya memberi maklum balas dengan baik apabila disoal oleh lawan komunikasi saya dengan baik.	F	-	1	-	14	5	4.15	Tinggi
		%	-	5	-	70	25		
B6	Jurulatih sentiasa	F	-	-	2	13	5		Tinggi

	memastikan saya memberi maklum balas dengan cepat apabila disoal oleh lawan komunikasi saya.	%	-	-	10	65	25	4.15	
<b>3. Kebolehan untuk membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar.</b>			ST T	TT	KT	T	ST	Skor Min	Inter- pretasi Min
B7	Jurulatih sentiasa meminta saya mengadakan pembentangan bersesuaian dengan tahap pemahaman lawan komunikasi saya.	F	-	-	1	12	7	4.30	Tinggi
		%	-	-	5	60	35		
B8	Jurulatih sentiasa memastikan saya melakukan pembentangan tugas dengan yakin.	F	-	-	1	12	7	4.30	Tinggi
		%	-	-	5	60	35		
B9	Jurulatih sentiasa memastikan saya melakukan pembentangan tugas dengan jelas.	F	-	-		14	8	4.30	Tinggi
		%	-	-		70	40		
<b>4. Kebolehan mengembangkan kemahiran komunikasi secara perseorangan.</b>			ST T	TT	KT	T	ST	Skor Min	Inter- pretasi Min
B10	Jurulatih sentiasa memastikan saya memberi maklum balas dengan tenang sekiranya terdapat percanggahan pendapat dengan saya.	F	-	-	1	12	7	4.30	Tinggi
		%	-	-	5	60	35		
B11	Jurulatih sentiasa memastikan saya memberi maklum balas dengan jelas sekiranya terdapat percanggahan pendapat dengan saya.	F	-	-	1	12	7	4.30	Tinggi
		%	-	-	5	60	35		
B12	Jurulatih sentiasa memastikan saya memahami dengan jelas istilah-istilah yang digunakan dalam keusahawanan.	F	-	-	1	11	8	4.35	Tinggi
		%	-	-	5	55	40		
B13	Jurulatih sentiasa memastikan saya tampil dengan berani apabila disoal oleh lawan komunikasi.	F	-	-	1	13	6	4.25	Tinggi
		%	-	-	5	65	30		
B14	Jurulatih sentiasa meminta saya bercakap secara berdepan bertentangan muka dengan lawan komunikasi saya.	F	-	-	2	16	2	4.00	Tinggi
		%	-	-	10	80	10		

B1 5	Jurulatih sentiasa memastikan saya tampil dengan <i>body language</i> yang berkeyakinan ketika berhadapan dengan lawan komunikasi saya.	F	-	-	2	16	2	4.00	Tinggi
		%	-	-	10	80	10		
<b>Min Keseluruhan</b>								<b>4.21</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 1.2 : Analisis skor min, kekerapan dan peratusan kesedaran pelajar terhadap elemen kemahiran komunikasi interpersonal

1) Kebolehan menyampaikan idea dengan terang, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis.			STS	TS	KS	S	SS	Sko r Min	Inter- pretasi Min
C1	Saya mengetahui saya berkebolehan menggunakan bahasa pengantar dengan yakin.	F	-	-	2	15	3	4.05	Tinggi
		%	-	-	10	75	15		
C2	Saya memahami maklumat yang disampaikan oleh lawan komunikasi saya dengan jelas.	F	-	-	3	14	3	4.00	Tinggi
		%	-	-	15	70	15		
C3	Saya sedar saya menggunakan bahasa yang sopan ketika berkomunikasi.	F	-	-	2	11	7	4.00	Tinggi
		%	-	-	10	55	35		
2) Kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberikan maklum balas.			STS	TS	KS	S	SS	Sko r Min	Inter- pretasi Min
C4	Saya maklum perlu mendengar dengan sepenuh perhatian ketika sesi temu bual sedang berlangsung.	F	-	-	1	14	5	4.20	Tinggi
		%	-	-	5	70	25		
C5	Saya maklum perlu mendengar dengan sepenuh perhatian ketika sesi pembentangan sedang berlangsung.	F	-	-	1	14	5	4.20	Tinggi
		%	-	-	5	70	25		
		%	-	5	35	55	5		
3) Kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberikan maklum balas.			STS	TS	KS	S	SS	Sko r Min	Inter- pretasi Min
C6	Saya maklum saya mesti memberi maklum balas dengan baik apabila disoal oleh lawan komunikasi saya.	F	-	-	3	12	5	4.10	Tinggi
		%	-	-	15	60	25		
C7	Saya sedar saya perlu memberi tumpuan sepenuhnya ketika sesi	F	-	-	2	12	6	4.20	Tinggi
		%	-	-	10	60	30		

	pembentangan sedang berlangsung.								
C8	Saya perlu memahami sesi pembentangan yang disampaikan oleh rakan bersesuaian dengan tahap pemahaman saya.	F	-	-	1	13	6	4.25	Tinggi
		%	-	-	5	65	30		
C9	Saya mengetahui saya melakukan pembentangan tugas dengan yakin.	F	-	-	2	12	6	4.20	Tinggi
		%	-	-	10	60	30		
C10	Saya maklum saya melakukan pembentangan tugas dengan jelas.	F	-	-	1	13	6	4.25	Tinggi
		%	-	-	5	65	30		
<b>4) Kebolehan mengembangkan kemahiran komunikasi secara perseorangan.</b>			<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>KS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	<b>Sko r Min</b>	<b>Inter- pretasi Min</b>
C11	Saya tahu saya perlu memberi maklum balas dengan tenang sekiranya terdapat percanggahan pendapat dengan ahli kelab yang lain.	F	-	-	3	10	7	4.20	Tinggi
		%	-	-	15	50	35		
C12	Saya perlu memahami dengan jelas istilah-istilah yang diguna oleh lawan komunikasi.	F	-	-	1	15	4	4.15	Tinggi
		%	-	-	5	75	20		
C13	Saya sedar saya mesti tampil dengan berani apabila disoal oleh lawan komunikasi.	F	-	1	2	13	4	4.00	Tinggi
		%	-	5	10	65	20		
C14	Saya sedar saya perlu bercakap secara berdepan bertentangan muka dengan lawan komunikasi saya.	F	-	1	7	11	1	3.60	Rendah
		%	-	5	35	55	5		
C15	Saya sedar saya perlu tampil dengan <i>body language</i> yang berkeyakinan ketika berhadapan dengan lawan komunikasi saya.	F	-	1	5	13	1	3.70	Tinggi
		%	-	5	25	65	5		
<b>Min Keseluruhan</b>								<b>4.09</b>	<b>Tinggi</b>